

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti



RINGKASAN

Pada 30 Januari 2019, satu perbincangan meja bundar bersama Ustaz Dr Muhammad Haniff bin Hassan telah berlangsung di pejabat Pergas. Beliau telah mengupas topik '*Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti*'; iaitu konsep kesetiaan dan hukum melantik pemerintah bukan Islam dalam konteks Muslim minoriti di Singapura. Lebih daripada 30 asatizah serta pengkaji hadir dalam sesi tersebut

SOROTAN

- Isu melantik dan taat kepada pemimpin bukan Islam banyak berkait dengan isu *al-Wala'* dan *al-Bara'*.
- Pandangan bersifat mutlak terhadap konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* serta melantik pemimpin bukan Islam adalah bermasalah.
- Konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* bukan konsep usul tetapi konsep *ijtihadi*. Oleh itu, ia terbuka kepada pelbagai penafsiran.
- Ustaz Dr Muhd Haniff berpandangan bahawa mentaati dan melantik pemerintah bukan Islam dibolehkan, tetapi tertakluk dengan beberapa syarat.
- Konsep kafir harbi perlu diperjelas dan difahami kerana ia menjejaskan pandangan tentang melantik pemerintah bukan Islam.

PEMBENTANGAN

Dalam membincangkan isu ini, Ustaz Dr Muhd Haniff mengupas akan konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* yang bererti kesetiaan dan kecintaan bagi *al-Wala'*. Manakala *al-Bara'* pula bermakna berlepas diri dan kebencian. Beliau menerangkan kehadiran golongan yang membenarkan dan golongan yang berpandangan memilih pemimpin bukan Islam itu boleh merosakkan akidah. Beliau menekankan bahawa konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* adalah termasuk dalam isu khilaf dan bukanlah isu pokok atau usul dalam akidah. Oleh itu, ia terbuka kepada pelbagai penafsiran.

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti



Ustaz Dr Muhd Haniff menekankan bahawa sikap kemutlakan atau absolutisme dalam memahami konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* menimbulkan sejumlah masalah. Golongan absolutisme menganggap diri mereka sahaja sebagai benar dan berpandangan tiada ruang bagi khilaf atau perbezaan pandangan dalam soal *al-Wala'* dan *al-Bara'*. Pandangan ini mendorong tanggapan itlak (*generalization*), antara lain, bahawa semua golongan kafir adalah anti Islam dan maka itu, perlu bersikap *al-Bara'* terhadap semua golongan kafir dengan melarang perlantikan mereka sebagai pemimpin.

MELANTIK DAN TAAT PADA PEMERINTAH BUKAN MUSLIM DIBENARKAN DALAM AGAMA

Perbincangan kemudian beralih kepada konteks masyarakat Muslim minoriti. Ustaz Dr Muhd Haniff membincangkan tentang teks *al-Wala'* dan *al-Bara'* yang menukil ayat-ayat al-Quran yang pada dasarnya tidak membenarkan orang Islam mengambil orang kafir sebagai pemimpin, seperti Ali-'Imran: 118, Al-Nisa': 89, Al-Nisa': 144 dan lain lagi. Perkataan wali atau *awliya'* dalam ayat-ayat ini ditafsirkan sebagai pemimpin, sedangkan *awliya'* di sini tidak semestinya bermaksud pemimpin. Oleh itu, teks-teks *al-Wala'* dan *al-Bara'* serta penafsiran sempit perlu diteliti semula. Jika tidak, ia boleh membawa masalah bagi minoriti Muslim.

Ustaz Dr Haniff berpandangan bahawa mentaati dan melantik pemerintah bukan Islam adalah dibenarkan namun dengan bersyarat iaitu:

- pemimpin perlu adil;
- bukan memusuhi agama Islam¹ dan
- selama mana tidak menyalahi prinsip *syar'i*.

Beliau kemudian membawa contoh insiden doa setelah khutbah oleh Imam Nalla (Kenyataan Mufti: 3 April 2017). Dalam hal ini, doa "*fansurna 'ala kaum al-kafirin*" menjadi persoalan namun Pergas dan Muis

¹ Ini berbeza dengan golongan bukan Islam yang berbeza pandangan dengan Muslim namun tidak memusuhi Islam.

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti

membuat kenyataan menjelaskan bahawa *al-kafirin* di dalam doa ini bukan merujuk kepada semua kafir tetapi hanya kepada golongan kafir yang memerangi Islam. Ini adalah sama seperti isu *al-Wala'* dan *al-Bara'* di mana bukan semua orang bukan Islam tidak boleh dijadikan pemimpin. Namun yang tidak boleh ditaati adalah mereka yang memusuhi Islam.

Menurut dasar al-Quran, semua orang bukan Islam tidak sama (Ali-'Imran: 113). Banyak bukti sejarah yang membenarkan orang Islam taat kepada pemerintah atau kerajaan bukan Islam seperti tindakan hijrah pertama umat Islam di Habsyah yang disambut baik raja Kristian, Najasyi (Negus) pada 613 Masihi.

Ustaz Dr Muhd Haniff juga berpendapat bahawa asal hubungan Muslim dan bukan-Muslim adalah aman dan positif, bukan bermusuhan (perang) dan negatif. Oleh demikian, beliau berpandangan ayat-ayat yang dijadikan sandaran sebagai *al-Wala'* dan *al-Bara'* sebenarnya tidak merujuk kepada semua bukan-Muslim. Ia hanya merujuk kepada sebahagian bukan-Muslim yang memusuhi Islam iaitu kafir harbi.

Dalam memahami isu ini, beliau juga menyarankan agar umat Islam menghayati erti Surah al-Mumtahanah ayat 8-9 iaitu Allah membezakan antara golongan kafir yang berlaku baik kepada kaum Muslim dan mereka yang memusuhi:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ
إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti



mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Ayat ini menjelaskan erti bersikap 'adil' terhadap golongan kafir yang tidak mempunyai sikap permusuhan. Oleh itu, hukumnya 'harus' memberi *wala'* bagi golongan bukan Islam selagi dapat hidup bersama secara harmoni.

PERBINCANGAN

1 Sehubungan dengan perbincangan Ustaz Dr Muhd Haniff mengenai kafir harbi dan kafir yang tidak memusuhi orang Islam, timbul persoalan tentang hukum melantik orang bukan Islam yang tidak memusuhi agama Islam namun mempunyai pandangan seperti orang Islam membawa masalah kepada pembangunan negara.

Ustaz Dr Muhd Haniff menjelaskan bahawa kalangan orang bukan Islam memang tidak sehaluan dengan cara dan pandangan Islam. Hal ini sudah lama dimaklumi. Namun perbezaan pandangan ini tidak seharusnya menjadi sandaran bahawa seseorang bukan Muslim itu kafir harbi. Ustaz Dr Muhd Haniff menasihati agar kita berpandangan luas. Misalnya, Cik Karen Armstrong, bekas biarawati (nun) dan pengkaji pelbagai agama berpandangan kritikal terhadap Islam dan penganutnya, namun beliau tidak dianggap sebagai anti Islam.

2 Berkaitan dengan pelantikan pemimpin bukan Islam, timbul juga persoalan mengenai kedudukan sebahagian kaum Muslim Palestin di Israel.

Menurut Ustaz Dr Muhd Haniff, kedudukan orang Palestin Islam di Israel perlu dikaji menurut fatwa *ahl al-balad* (warga negara). Bangsa Palestin terbahagi tiga iaitu di Gaza dan Tebing Barat yang masing-masing diperintah oleh Hamas dan Penguasa Palestin serta di Israel. Kaum Palestin yang menjadi warga Israel boleh dibandingkan dengan warga Muslim Singapura sebagai golongan minoriti -- perlu melantik pemerintah bukan Islam.

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti

3 Peserta juga memberi saranan mengenai terjemahan bagi perkataan *wali/awliya'*. Seperti yang dibentangkan oleh Ustaz Dr Muhd Haniff, terdapat banyak tafsiran bagi perkataan *wali/awliya'*. Banyak buku tafsir Quran yang terdapat di Singapura pula, menterjemahkan perkataan *awliya'* sebagai pemimpin. Contohnya surah Ali-'Imran ayat 28:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya: Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin.

Oleh itu disarankan agar Pergas boleh melihat usaha-usaha yang boleh dilakukan pada masa akan datang bagi membantu masyarakat memahami ayat sedemikian dengan lebih jernih.

4 Soalan peserta kemudian beralih kepada pendirian serta pendekatan kita terhadap pemahaman Syiah dalam konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'*.

Menurut Ustaz Dr Muhd Haniff, konsep *al-Wala'* Syiah lebih ketat daripada Sunni. Sesetengah golongan Syiah melarang *wala'* kepada orang kafir dan perlu *wala'* hanya kepada imam maksum (tanpa dosa) sahaja. Namun sekiranya mereka boleh menghormati perbezaan pandangan, maka ia tidak bermasalah. Yang menjadi masalah adalah apabila berlaku sikap absolutisme dalam berpegang kepada konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'*. Malah sebahagian ulama Syiah menganjurkan konsep berpegang pada konteks (*contextualization*) sehingga memberikan ruang bagi para penganut Syiah untuk hidup di negara-negara majoriti kafir seperti Amerika.

5 Daripada pembentangan Ustaz Dr Muhd Haniff, mereka yang berpegang kepada konsep *al-Wala'* dan *al-Bara'* kelihatan cenderung untuk memiliki sikap absolutis. Justeru peserta memohon pencerahan bagaimana seseorang boleh berpegang kepada konsep ini tanpa bersikap absolutis.

Ustaz Dr Muhd Haniff menukil alim besar Fikah, Dr Yusuf al-Qaradawi sebagai contoh pemikir yang banyak

Kepimpinan Bukan-Muslim Bagi Muslim Minoriti



menyokong *al-Wala'* dan *al-Bara'*. Dr al-Qaradawi telah memberi fatwa yang membenarkan untuk mentaati dan melantik pemimpin bukan Islam, terutama bagi golongan Muslim minoriti. Tegasnya, beliau mengeluarkan fatwa menurut konteks (masa, tempat, adat dan sebagainya) dan menolak sikap kemutlakan.

6 *Tampaknya konsep al-Wala' dan al-Bara' bercorak mutlak (absolutism in nature), maka terdapat saranan agar konsep ini ditolak sama sekali. Peserta memohon pandangan Ustaz Dr Muhd Haniff dalam hal ini.*

Ustaz Dr Muhd Haniff berpendapat bahawa penolakan konsep ini akan membawa kepada implikasi pengubahan dasar larangan. Misalnya, untuk mengelakkan konsep ini daripada berputik, maka mungkin dilaksanakan larangan ke atas pelajar Muslim setempat untuk melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi di Arab Saudi, ataupun larangan ke atas buku atau bahan bacaan yang berisi bahagian yang menyokong *al-Wala'* dan *al-Bara'*.

KESIMPULAN

Isu melantik dan mentaati pemimpin bukan Muslim merupakan cabaran bagi sesetengah masyarakat Islam. Sejak dahulu sehingga kini, memang terdapat kalangan masyarakat Islam yang tidak selesa melantik dan setia kepada pemimpin bukan Islam di negara sekular yang majoriti bukan Muslim.

Isu ini bakal dibawa kepada Mukhtamar Ulama yang antara lain akan membincangkan tentang pandangan wasatiyyah bagi isu kepimpinan bukan-Muslim bagi masyarakat Islam minoriti serta pendekatan yang boleh diambil bagi mendidik masyarakat tentang sikap absolutisme.